

# PM enggan campuri urusan kehakiman

BANDAR PUSAT JENGA, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau enggan menegur ketidakseragaman dalam pelaksanaan hukuman di negara ini kerana tidak mahu dituduh mencampuri urusan kehakiman.

Menurut Perdana Menteri, beliau juga menyedari ada hakim di negara ini tidak mahu menjatuhkan hukuman setimpal atau tidak menjatuhkan hukuman ke atas sesuatu kes.

"Tetapi kalau orang politik macam saya membuat teguran, saya akan dituduh cuba campurtangan dalam urusan kehakiman. Sebab itu kita senyap saja.

"Walaupun kerajaan sedar kadang-kadang kita cuma dengar kes tetapi tidak ada hukuman dijatuhkan, kita terpaksa membisu seribu bahasa," katanya mengulas mengenai hasil kajian Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya yang mendapati berlaku ketidakseragaman dalam menjatuhkan hukuman dan penyelesaian kes mahkamah di negara ini.